

Bil. S 9

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah di bawah bab 83(3))**

**PERINTAH PENYELARASAN PERINDUSTRIAN, 2001**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Lesen dikehendaki bagi aktiviti pengilangan.
4. Lantikan pegawai melesen.
5. Permohonan, pengeluaran dan syarat-syarat lesen.
6. Pembatalan lesen.
7. Pemindahan lesen.
8. Pengubahan.
9. Mematuhi undang-undang lain.
10. Penguatkuasaan.
11. Pengecualian.
12. Penubuhan dan keanggotaan Majlis Penasihat Penyelaras Perindustrian.
13. Lantikan ahli ganti Majlis.
14. Orang yang tidak puas hati boleh merayu.
15. Lesen terus berkuatkuasa sementara menunggu keputusan rayuan.
16. Pembatalan hendaklah disiarkan.
17. Kegagalan untuk mematuhi atau menguatkuasakan perintah yang dibuat di bawah bab 14 adalah menjadi suatu kesalahan.
18. Liabiliti orang tertentu kerana kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh syarikat, perkongsian atau kumpulan orang.

**WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

19. Peruntukan-peruntukan peralihan.
20. Peraturan-peraturan.

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah di bawah bab 83(3))**

**PERINTAH PENYELARASAN PERINDUSTRIAN, 2001**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Penyelaras Perindustrian, 2001 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Jun, 2001.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk membuat peruntukan bagi menyelaras dan memajukan dengan teratur aktiviti-aktiviti pengilangan di Negara Brunei Darussalam, bagi menubuhkan Majlis Penasihat Penyelaras Perindustrian dan bagi perkara-perkara yang berhubung atau bersampingan dengannya".

**Tafsiran.**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"aktiviti pengilangan" termasuk membuat, mengubah, mengadun, menghiasi, memperkemas ataupun dengan cara lain mengawit atau menyesuaikan apa-apa barang atau bahan, memasang bahagian-bahagian dan membaiki kapal, tetapi tidaklah termasuk sebarang perdagangan, perniagaan atau pekerjaan yang dinyatakan dalam Jadual kepada Akta Lesen Rampaian (Penggal 127);

"lesen" bermakna suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Perintah ini untuk mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti pengilangan;

"Majlis" bermakna Majlis Penasihat Penyelaras Perindustrian yang ditubuhkan di bawah ceraian (1) bab 12;

"Menteri" bermakna Menteri yang diberi tanggungjawab untuk memajukan perindustrian;

"pegawai melesen" bermakna mana-mana pegawai awam yang dilantik menjadi pegawai melesen di bawah bab 4;

"pengilang" bermakna seseorang yang mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti pengilangan;

"produk" bermakna apa-apa barang, benda, bahan atau perkhidmatan yang dikeluarkan hasil dari sebarang aktiviti pengilangan.

**Lesen dikehendaki bagi aktiviti pengilangan.**

3. (1) Tiada sesiapa pun boleh mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti pengilangan kecuali di bawah dan menurut suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Perintah ini.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi peruntukan ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun, dan dikenakan suatu denda tambahan yang tidak melebihi dari \$1,000 bagi setiap hari selama mana kegagalannya itu berterusan.

**Lantikan pegawai melesen.**

4. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, melantik mana-mana pegawai awam untuk menjadi pegawai melesen bagi maksud Perintah ini.

**Permohonan, pengeluaran dan syarat-syarat lesen.**

5. (1) Permohonan untuk mendapatkan suatu lesen hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan kepada pegawai melesen.

(2) Satu permohonan boleh dibuat bagi satu produk atau lebih yang dikilang di satu tempat aktiviti pengilangan atau lebih tetapi suatu lesen yang berasingan hendaklah dikeluarkan bagi tiap-tiap tempat aktiviti pengilangan.

(3) Pegawai melesen hendaklah, dalam memutuskan sama ada permohonan untuk mendapatkan suatu lesen patut dibenarkan atau ditolak, menimbangkan sama ada pengeluaran suatu lesen adalah selaras dengan matlamat-matlamat negara dan sosial dan akan menggalakkan kemajuan aktiviti-aktiviti pengilangan dengan teratur di Negara Brunei Darussalam.

(4) Pegawai melesen dalam mengeluarkan suatu lesen, boleh, bagi mencapai matlamat-matlamat yang tersebut di atas mengenakan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut, dan syarat-syarat itu boleh diubah atas permohonan pengilang atau atas usul pegawai melesen itu sendiri setelah berunding dengan pengilang yang berkaitan dengannya syarat-syarat dalam lesen itu akan diubah.

(5) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan hendaklah dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah tertakluk kepada bayaran sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

**Pembatalan lesen.**

6. (1) Pegawai melesen boleh atas budi bicaranya membatalkan suatu lesen yang diberikan kepada mana-mana pengilang jika pengilang tersebut —

(a) gagal mematuhi sebarang syarat yang dikenakan dalam lesen itu;

(b) tidak lagi mengambil bahagian dalam aktiviti pengilangan yang berkaitan dengannya lesen itu dikeluarkan; atau

(c) membuat sebarang pernyataan palsu dalam permohonannya untuk mendapatkan lesen itu.

(2) Sebelum menjalankan kuasanya untuk membatalkan suatu lesen pegawai melesen boleh meminta pengilang untuk memberi dalam suatu tempoh sebagaimana yang mungkin ditetapkan sebab yang wajar mengapa lesennya tidak patut dibatalkan.

(3) Pegawai melesen boleh menahan atau menggantung pembatalan suatu lesen jika dia berpuas hati bahawa perbuatan atau peninggalan di pihak pengilang di bawah ceraian (1) adalah kerana sesuatu sebab di luar kawalannya dan ada kemungkinannya yang munasabah perbuatan atau peninggalan itu dapat diremedi dalam suatu tempoh sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh pegawai melesen.

(4) Suatu rayuan hendaklah dikemukakan kepada Menteri (yang keputusannya adalah muktamad) dari keputusan pegawai melesen di bawah bab ini.

**Pemindahan lesen.**

7. (1) Tiada lesen boleh dipindahkan daripada seorang pemegang lesen kepada mana-mana orang lain tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran pegawai melesen.

(2) Tanpa menjelaskan ceraian (1), pegawai melesen boleh sekiranya berlaku kematian, kehilangan upaya, kebankrapan, atau dalam hal suatu syarikat, pembubaran pemegang suatu lesen, atau jika seorang penerima atau pengurus dilantik berkenaan dengan perniagaan pemegang suatu lesen, atau jika kerana sebarang sebab pegawai melesen berpuas hati adalah tidak adil untuk berbuat demikian, membenarkan pemindahan lesen itu.

(3) Permohonan bagi memindahkan suatu lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada pegawai melesen.

**Pengubahan.**

8. (1) Pengilang tidaklah boleh mengeluarkan apa-apa produk selain dari produk yang dinyatakan dalam lesen yang dikeluarkan kepadanya di bawah Perintah ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran pegawai melesen.

(2) Pengilang boleh menggantung atau menghentikan pengilangan suatu produk yang dinyatakan dalam lesen tersebut setelah memberitahu pegawai melesen secara bertulis mengenai niatnya hendak berbuat demikian.

(3) Permohonan bagi mendapatkan kebenaran di bawah ceraian (1) hendaklah dibuat secara bertulis kepada pegawai melesen.

**Mematuhi undang-undang lain.**

9. Pengeluaran suatu lesen tidaklah melepaskan pengilang yang dikeluarkan suatu lesen dari mematuhi sebarang undang-undang bertulis yang lain.

**Penguatkuasaan.**

10. (1) Menteri boleh memberi kuasa secara bertulis kepada mana-mana pegawai awam (disebut dalam bab ini sebagai pegawai yang diberi kuasa) untuk menjalankan kuasa-kuasa di bawah bab ini.

(2) Pada menjalankan sebarang kuasa di bawah bab ini pegawai yang diberi kuasa hendaklah apabila diminta menunjukkan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya surat kuasa yang dikeluarkan kepadanya oleh Menteri.

(3) Apabila pada pendapat mana-mana majistret atas maklumat bertulis dengan mengangkat sumpah dan setelah menjalankan sebarang siasatan yang mungkin difikirkannya perlu bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa di dalam mana-mana bangunan atau tempat ada dikilang, disembunyikan, diletakkan atau disimpan apa-apa produk, kelengkapan pengilangan atau benda lain yang berkaitan dengannya suatu kesalahan terhadap Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan, dia boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa kepada mana-mana pegawai yang diberi kuasa yang dinamakan dalam waran itu pada waktu siang atau malam dan dengan atau tanpa bantuan untuk memasuki bangunan atau tempat tersebut dan di situ mencari dan merampas apa-apa produk, kelengkapan pengilangan atau benda lain yang berkaitan dengannya sebarang kesalahan tersebut disyaki telah dilakukan dan boleh juga merampas sebarang buku atau dokumen yang mungkin dipercayai dengan munasabah mengandungi maklumat tentang sebarang kesalahan yang disyaki telah dilakukan itu.

(4) Apabila pada pendapat mana-mana pegawai yang diberi kuasa bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa di dalam mana-mana

bangunan atau tempat ada dikilang, disembunyikan, diletakkan atau disimpan apa-apa produk, kelengkapan pengilangan atau benda lain yang berkaitan dengannya suatu kesalahan terhadap Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan dan jika dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh kerana kelewatan mendapatkan suatu waran geledah produk, kelengkapan pengilangan atau benda lain itu mungkin dipindahkan, pegawai tersebut boleh menjalankan di dalam atau di atas atau berkaitan dengan bangunan atau tempat itu segala kuasa yang disebutkan dalam ceraian (3) seolah-olah dia telah diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah ceraian itu.

(5) Tiap-tiap pegawai yang diberi kuasa yang menjalankan kuasanya di bawah ceraian (4) hendaklah, sebelum menjalankan kuasa-kuasa tersebut, mendapatkan kebenaran bertulis daripada Menteri.

(6) Mana-mana orang yang menghalang atau mengadang mana-mana pegawai yang diberi kuasa pada menjalankan secara sah sebarang kuasa di bawah Perintah ini atau di bawah sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda sebanyak \$2,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

**Pengecualian.**

11. Menteri boleh dengan perintah mengecualikan atas terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut, sebarang aktiviti pengilangan dari semua atau sebarang peruntukan Perintah ini.

**Penubuhan dan keanggotaan Majlis Penasihat Penyelaras Perindustrian.**

12. (1) Maka dengan ini ditubuhkan suatu badan yang dipanggil Majlis Penasihat Penyelaras Perindustrian, yang tugasnya adalah untuk menasihati Menteri mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Perintah ini.

(2) Majlis hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut yang akan dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan —

(a) seorang Pengerusi;

(b) seorang wakil daripada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama;

(c) seorang wakil daripada Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei;

(d) seorang wakil daripada Jabatan Tanah;

- (e) seorang wakil daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa;
- (f) seorang wakil daripada Jabatan Buruh;
- (g) seorang wakil daripada Kementerian Kesihatan; dan
- (h) atas budi bicara Menteri, tidak lebih daripada tiga orang ahli lain.

(3) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membatalkan lantikan seorang ahli Majlis yang dilantik di bawah bab ini atau seorang ahli ganti Majlis yang dilantik di bawah ceraian (1) bab 13 tanpa memberikan sebarang sebabnya dan jika dia berbuat demikian pembatalan tersebut adalah muktamad dan tidaklah boleh dipersoalkan di mana-mana mahkamah.

**Lantikan ahli ganti Majlis.**

13. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh berkaitan dengan tiap-tiap ahli Majlis, selain daripada ahli yang dilantik di bawah perenggan-perenggan (a) dan (h) ceraian (2) bab 12, melantik orang lain dari badan yang sama atau mewakili kepentingan yang sama seperti ahli itu untuk menjadi ahli ganti kepada ahli itu, dan ahli ganti itu boleh menghadiri mesyuarat Majlis bagi menggantikan ahli itu jika ahli itu kerana sebarang sebab tidak dapat hadir.

(2) Apabila menghadiri mesyuarat Majlis, atau semasa ketiadaan ahli yang berkaitan dengannya dia dilantik untuk menjadi ahli ganti, ahli ganti hendaklah bagi segala maksud dianggap sebagai seorang ahli Majlis.

**Orang yang tidak puas hati boleh merayu.**

14. (1) Mana-mana orang yang —

- (a) sebagai pemohon bagi pengeluaran suatu lesen tidak puas hati dengan keengganan untuk mengeluarkan lesen tersebut;
- (b) sebagai pemegang suatu lesen tidak puas hati dengan —
  - (i) pengenaan sebarang terma atau syarat dalam lesennya;
  - (ii) pengubahan, atau keengganan untuk mengubah, sebarang terma atau syarat yang dikenakan dalam lesennya; atau
  - (iii) pembatalan lesennya; atau
- (c) tidak puas hati dengan keengganan untuk membenarkan pemindahan suatu lesen,

boleh, dalam masa 45 hari dari tarikh keputusan pegawai melesen disampaikan kepadanya, merayu kepada Menteri.

(2) Menteri boleh setelah mendengar rayuan itu membuat suatu perintah sebagaimana yang difikirkannya patut dan perintah itu adalah muktamad dan tidaklah boleh dipersoalkan di mana-mana mahkamah.

**Lesen terus berkuatkuasa sementara menunggu keputusan rayuan.**

15. (1) Jika mana-mana orang membuat suatu rayuan di bawah perenggan /b/ atau /c/ ceraian (1) bab 14, lesen itu hendaklah terus berkuatkuasa sehingga rayuan tersebut telah diputuskan seolah-olah pegawai melesen belum membuat keputusan.

(2) Dengan tidak menghiraukan ceraian (1), pegawai melesen boleh sementara itu menjalankan sebarang kuasa yang diberikan kepadanya oleh Perintah ini berkenaan dengan lesen itu atas sebarang alasan yang tidak diliputi oleh rayuan tersebut.

**Pembatalan hendaklah disiarkan.**

16. (1) Sekiranya rayuan tiada dibuat terhadap pembatalan suatu lesen oleh pegawai melesen dalam tempoh yang ditetapkan, Menteri hendaklah dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* menyatakan pembatalan tersebut.

(2) Sekiranya Menteri membuat suatu perintah bagi pembatalan suatu lesen Menteri hendaklah dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* menyatakan pembatalan tersebut.

**Kegagalan untuk mematuhi atau menguatkuasakan perintah yang dibuat di bawah bab 14 adalah menjadi suatu kesalahan.**

17. Mana-mana orang yang gagal mematuhi atau menguatkuasakan suatu perintah yang dibuat di bawah ceraian (2) bab 14 adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali, dan dikenakan suatu denda tambahan yang tidak melebihi dari \$1,000 bagi setiap hari selama mana kegagalannya itu berterusan.

**Liabiliti orang tertentu kerana kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh syarikat, perkongsian atau kumpulan orang.**

18. (1) Jika suatu kesalahan di bawah Perintah ini telah dilakukan oleh seseorang atau pengilang sebagai suatu syarikat, perkongsian atau kumpulan orang, mana-mana orang yang pada masa berlakunya kesalahan itu adalah seorang

pengarah, pengurus atau pegawai lain yang berkhidmat dalam suatu jawatan pengurusan atau seorang rakan kongsi bagi syarikat, perkongsian atau kumpulan orang itu atau dikatakan bertindak atas jawatan tersebut hendaklah juga dianggap sebagai melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan dan pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha yang perlu untuk mencegah kesalahan itu dari dilakukan yang sepatutnya dijalankan olehnya memandangkan jenis tugas-tugasnya dalam jawatan tersebut dan semua hal keadaan ketika itu.

(2) Bagi maksud-maksud bab ini, ungkapan-ungkapan "syarikat" dan "perkongsian" hendaklah masing-masing mempunyai makna yang ditentukan kepada ungkapan-ungkapan tersebut dalam undang-undang bertulis berkenaan dengan syarikat dan perkongsian.

**Peruntukan-peruntukan peralihan.**

19. Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun yang terkandung dalam Perintah ini, seseorang yang sejurus sebelum tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini telah mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti pengilangan, adalah berhak untuk berbuat demikian tanpa suatu lesen —

- (a) bagi tempoh selama 12 bulan yang bermula dari tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini; atau
- (b) jika sebelum habis tempoh tersebut dia memohon bagi mendapatkan suatu lesen berkaitan dengannya, sehingga lesen itu dikeluarkan atau akhirnya ditolak atau permohonan tersebut ditarik balik.

**Peraturan-peraturan.**

20. Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, boleh membuat peraturan-peraturan —

- (a) yang mengadakan peruntukan bagi permohonan dan borang dan syarat-syarat sebarang lesen yang diberikan di bawah Perintah ini, bayarannya, dan tempoh lesen itu dikeluarkan;
- (b) yang mengadakan peruntukan bagi prosedur permohonan dan pengeluaran lesen gantian dan lesen pendua sekiranya lesen itu hilang, rosak atau musnah dan bayarannya;
- (c) yang menetapkan atas rayuan di bawah Perintah ini bayaran yang kena dibayar; dan
- (d) pada amnya untuk menjalankan maksud-maksud dan peruntukan-peruntukan Perintah ini.

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Safar, tahun Hijrah 1422 bersamaan dengan 22 haribulan Mei, 2001 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM